

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN ABDUL AZIZ

TARIKH: 26 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah terkini penganggur di kalangan belia.

PR-1323-L63923

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah terkini penganggur di kalangan belia iaitu mereka yang berumur 15 – 40 tahun sehingga suku kedua tahun 2014 (Jun 2014) adalah seramai 365,300 orang. Jumlah penganggur ini adalah terdiri daripada 212,900 orang penganggur lelaki dan 152,400 orang penganggur perempuan.

NO. SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7349

SOALAN:

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat kenderaan dari Singapura yang mempunyai rekod saman di Malaysia daripada masuk semula ke Singapura selagi saman tidak dibayar dan mengenakan VEP kepada kenderaan dari Singapura yang memasuki Malaysia pada kadar yang setara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan belum bercadang untuk menyekat kenderaan Singapura yang mempunyai tunggakan saman daripada memasuki negara ini. Namun begitu bagi mengatasi dan meningkatkan kadar penyelesaian saman kenderaan dari Singapura dan juga pesalah negara luar yang lain, pihak PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

1. Melaksanakan operasi mengesan kenderaan yang mempunyai nombor pendaftaran asing khususnya di negeri-negeri yang mempunyai sempadan antarabangsa dari semasa ke semasa. Sekiranya pesalah luar negara dikesan dalam operasi seumpama itu, tindakan di bawah Seksyen 24(3) Kanun Prosedur Jenayah akan diambil seperti berikut:
 - 1.1 Pesalah dibawa balik ke balai dan diserahkan kepada pegawai Polis yang pangkatnya tidak kurang dari Inspektor Polis;
 - 1.2 Pesalah diberi penjelasan mengenai peruntukan undang-undang negara ini khususnya peruntukan seksyen 24(3) Kanun Prosedur Jenayah dan peruntukan dibawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 yang berkaitan;

- 1.3 Bagi kesalahan yang boleh dikompaun, sekiranya pesalah membayar saman, pesalah hendaklah dilepaskan. Sekiranya pesalah tidak menjelaskan saman, pesalah perlu dibebaskan dengan jaminan polis atau terus didakwa di mahkamah; dan
 - 1.4 Bagi kesalahan yang tidak boleh dikompaun pesalah hendaklah dibebaskan dengan jaminan polis atau terus didakwa di mahkamah.
2. PDRM turut merancang langkah-langkah jangka panjang seperti bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk melaksanakan sistem pangkalan data yang akan menyimpan semua butiran pemandu dan kenderaan asing yang memasuki negara ini. Dengan adanya pangkalan data seumpama ini, maka peruntukan di bawah Seksyen 66J APJ 1987 dapat dilaksanakan dengan berkesan. Peruntukan ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah JPJ atau mana-mana Pegawai Pengangkutan Jalan untuk menghalang kenderaan asing dari masuk atau keluar dari negara ini sekiranya didapati kenderaan itu masih mempunyai perkara-perkara belum selesai berhubung sebarang pelanggaran atau kesalahan terhadap Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
3. PDRM sedang merancang untuk menaiktaraf sistem Trafik COPS (*Compound Online Payment System*) yang menjurus

kepada penguatkuasaan khusus kepada warga asing yang beroperasi di pintu masuk negara. Menggunakan alat ANPR (*Automated Numbers Plate Recognition*). Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sedang menyediakan satu kaedah khusus untuk menguruskan isu ini termasuk meningkatkan keupayaan Sistem MySIKAP. Ini kerana Seksyen 66J APJ 1987 bagi mengawal kenderaan asing daripada memasuki atau keluar daripada Malaysia telah dimasukkan ke dalam peruntukan undang-undang pada 31 Januari 2011.